



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	5 October 2015



**Keadaan jerebu di sekitar Shah Alam mencatat bacaan Indeks Pencemaran Udara 308** iaitu paras sangat tidak sihat pada jam 9 pagi, semalam.  
[FOTO SHAZREEN ZAMZURI/BH]

## Dalang penyebab jerebu perlu dikenakan tindakan

» Hanya Indonesia boleh kumpul bukti kejadian: Najib

► Milan

**D**atuk Seri Njgib Razak semalam berkata, Kerajaan Indonesia perlu mengambil tindakan terhadap pihak yang meryadi dalang penyebab jerebu yang bukan sa-

haja menjejaskan kualiti udara di Malaysia tetapi juga ekonomi negara.

**Punca kebakaran**  
Perdana Menteri berkata, hanya Indonesia sahaja dapat memastikan dan membuktikan sama ada keadaan jerebu disebabkan aktiviti pembakaran terbuka oleh syarikat perladangan di negara itu atau kesan perubahan cuaca.

Katanya, pihak Indonesia sahaja boleh memperoleh bukti daripada syarikat perladangan

yang beroperasi di negara itu yang melakukan aktiviti pembakaran terbuka.

"Perlu pastikan sama ada jerebu disebabkan perbuatan manusia atau kebakaran berlaku disebabkan cuaca kering," katanya ketika mengulas keadaan jerebu di negara kepada pemberita sebelum berlepas pulang selepas lawatan kerja tiga hari ke Milan.

**Kerjasama erat**  
Beliau berkata, penyelesaian kepada masalah jerebu me-

merlukan kejasama erat antara Malaysia, Indonesia dan Singapura dalam mewujudkan pelan tindakan yang lebih berkesan.

"Ia mengambil kira perjanjian yang dibuat antara ketiga-tiga negara dalam menangani isujerebu.

"Malaysia bersama-sama Singapura dan Indonesia masih berusaha menterjemahkan perjanjian itu dalam bentuk tindakan sesuai supaya perkara terbabit tidak berulang," katanya.  
BERNAMA